

BAB III

Kata pinjaman terpilih dalam bahasa Melayu

Apabila diteliti kata pinjaman dalam bahasa Melayu didapati kebanyakan perkataan tersebut adalah daripada bahasa Inggeris. Hal ini disebabkan bahasa Inggeris pernah menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Malaysia dan Brunei Darussalam. Selain tu, didapati banyak perkataan pinjaman yang orang Melayu menggunakan dalam percakapan mahupun penulisan dengan tanpa disedari bahawa kosa kata tersebut telah dipinjam daripada bahasa asing seperti mana kata Za'ba :

“Maka kebanyakan perkataan pinjaman ini tiasa kita perasan lagi akan asalnya daripada bahasa asing melainkan disangka ialah perkataan Melayu betul.... .”

Kata pinjaman terpilih dalam bahasa Melayu terdiri daripada golongan adat istiadat, aeroangkasa, botani, konomi, kesihatan dan perubatan, ketenteraan, makanan, media, minuman, pakaian, pelancongan, pendidikan, penerbitan, pengangkutan, sosiologi keluarga, sukan, tempat tinggal dan undang-undang. Comtoh kata-kata pinjaman tersebut dapat disaksikan di bawah:

1. Adat istiadat

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
acara	event	Rancangan atau perkara yang akan dilakukan, dipertunjukkan, dibincangkan dsb dalam sesuatu perjumpaan, agenda atau program.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa sanskrit
agenda	agenda	Item yang diperlukan dipertimbangkan.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
anugerah	award	Pemberian berupa hadiah dan sebagainya yang tinggi dan besar nilainya.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Sanskrit
konvensyen	convention	Perhimpunan terdiri dari ahli-ahli atau wakil-wakil pertubuhan politik.	Bahasa Inggeris
konvokesyen	convocation	Perhimpunan universiti untuk upacara penyampaian ijazah atau istiadat menyampaikan ajazah(kepada mahasiswa).	Bahasa Inggeris
protokol	protocol	<ul style="list-style-type: none">• KD; Peraturan-peraturan dalam istiadat rasmi (menyambut tetamu-tetamu negara dll)• OX; peraturan rasmi atau sistem peraturan tentang majlis negara atau diplomatic.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Greek (protokollon)
upacara	ceremony	Kerja , taat setia kepada adat istiadat, perayaan KD : majlis menurut peraturan.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Sanskrit

2. Aeroangkasa

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
altitud	altitude	Ketinggian sesuatu objek dalam ruang angkasa atau titik relative kepada permukaan laut atau permukaan udara.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin (altitudo)
atmosfera	atmosphere	KD; lapisan udara yang melingkungi bumi (yang terdiri daripada bahan-bahan gas).	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Greek
Koridor	corridor	KDW; ruang yang sempit dan panjang untuk orang berjalan (dalam bangunan, dan lain-lain) KD;laluan yang menghubungkan satu bahagian dengan bahagian lain dalam sesebuah bangunan.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Latin
orbit	orbit	KD; Laluan yang diikuti oleh sesuatu planet, satelit dan sebagainya dalam pergerakannya mengelilingi jasad cekerawala yang lain di bawah pengaruh graviti.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin (orbita)
radar	radar	Alat untuk mengesan arah dan jarak jauh kapal (kapal terbang dll) dengan gelombang radio	Bahasa Inggeris
toket	rocket	KD; Sejenis pesawat berbentuk silinder yang dilancarkan dengan ledakan.	BM meminjam BI, BI meminjam Kata Italy (rochetta)
satelit	satellite	KD; alat buatan manusia yang ditembakkan ke angkasa supaya mengelilingi bumi dan lain-lain untuk perhubungan dan penyelidian.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
simulator	simulator	Sistem atau alat yang direka bentuk untuk meniru keadaan tertentu atau ciri-ciri sesuatu proses (untuk tujuan kajian atau latihan).	Bahasa Inggeris BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
transponder	transponder	Alat yang menerima isyarat dan memandarkannya semula pada frekuensi yang berbeza.	Bahasa Inggeris

3. Botani

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
botani		KD; Cabang biologi yang berkaitan dengan kehidupan tumbuh-rumbuhan.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Greek
dahlia	dahlia	KDW; bunga dahlia KD; sejenis tumbuhan yang akarnya berakar umbi dan bunganya berwarna-warni.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Mexico

daisi	daisy	Sejenis bunga kecil, biasanya tumbuh liar di negara Eropah, berwarna dengan tengahnya berwarna kuning.	Inggersi purba
kekwa	chrysanthemum (Bahasa Latin)	Bunga yang berwarna putih, kuning, atau merah jambu. Bunga kekwa banyak ditanam di negara china sejak abad ke-15, kemudian dibawa ke dunia Barat pada abad ke-17 dan dibawa ke dunia Melayu oleh orang China yang berhijrah untuk mencari nafkah hidup.	Bahasa Cina (kengwa)
lili	lily	Satu daripada family tumbuhan yang terbesar dan terpenting di dunia. Terdapat beberapa jenis dan nama bagi bunga lili dalam bahasa Melayu seperti teratai, seroja, dan telapok.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin (lilium)
Orkid	orchid	Sejenis tumbuhan yang ditanam di darat dan bunganya kelihatan berwarna terang dan cantik.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
Ros	rose	Bunga ini dipanggil bunga mawar dalam bahasa Melayu. Bunga ros menjadi simbol kasih dan kerap diberikan oleh seseorang sebagai hadiah bagi melahirkan perasaan cinta kepada seseorang yang lain pada Hari Kekaksih (valentine Day)	BM meminjam BI, BI meminjam Kata Latin (rosa)
Tulip	tulip	Berasal dari Eropah selatan dan Asia ditanam sebagai tanaman kebun bunga (garden plant) yang popular. Bunga ini banyak ditanam di Belanda dan dianggap sebagai bunga kebangsaan negara Belanda. Pokok tulip sebenarnya berasal dari Negara Turki yang dikenali sebagai tulbent.	Tidak jelas
Violet	violet	Warna lembayung dan sejenis bunga	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis Purpa Dan berasal daripada kata Latin

4. Ekonomi

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
ekonomi	economy	Ilmu berkenaan dengan asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah kewangan yang bersangkutan dengannya.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Greek
akaun	account	Sejumlah wang yang disimpan di sebuah institusi bank oleh seorang pelabur dan jumlah dalam buku tersebut disebut sebagai buku akaun.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
bank	bank	KD; institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti jagaan wang, pertukaran mata wang, pemberian pinjaman dan terimaan bil pertukaran.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Italy Purba (banca) Bahasa Perancis (banque)

barter	barter	Tukar menukar barang KD; perdagangan dengan cara tukar menukar barang	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
bursa	bourse	Tempat memperjuabelikan syer (saham, barang dsb, iaitu pasar saham (barang) (ตลาดหุ้น)	Daripada Bahasa Indonesia meminjam bahasa Belanda dan Belanda meminjam Bahasa Perancis
cek	cheque	KE; bil pertukaran yang sah yang dikeluarkan oleh bank dan boleh ditukarkan dengan wang tunai.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
debit	Debit	KD; catatan jumlah wang yang dikeluarkan daripada akaun bank orang seseorang.	BM meminjam BI, BI meminjam Kata Latin
deposit	Deposit	Penyimpanan wang yang tertentu dalam bank.	BM meminjam BI, Indonesia meminjam Belanda
kredit	Credit	Wang yang dipinjamkan, piutang, kemudahan membayar terkemudian daripada penerimaan barang, dan butir pembayaran.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
komoditi	commodity	Barangan yang diperdagangkan, terutamanya keluaran ladang, bahan mentah, dan bahan galian.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
modal	Capital	Wang atau harta yang dipergunakan sebagai pangkal atau pokok untuk bermula.	Bahasa Tamil
monopoli	Monopoly	Berdagang sendiri dengan mengecualikan orang lain, tidak mempunyai saingan (dalam perniagaan)	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Greek

5. Kesihatan dan perubatan

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
aedes	Aedes	Sejenis nyamuk yang membiak di dalam air bertakung yang menjadi pembawa penyakit demam denggi (ไข้ด้วย)	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
anemia	Anemia	Kekurangan bilangan sel darah merah atau kekurangan pigmen hemoglobin.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Greek
anatomii	Anatomy	Kajian atau pengetahuan mengetahui binaan tubuh dan sebagainya hidupan hidupan (manusia, binatang, atau tumbuh-tumbuhan), kaji bin tubuh.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
biopsi	Biopsy	Pengambilan sedikit tisu hidup daripada organ atau sebahagian tubuh untuk pemeriksaan makmal	BM meminjam BI, BI meminjam kata Yunani
denggi	Dengue	Sejenis penyakit virus yang berjangkit melalui gigitan nyamuk Aedes.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Swahili

embrio	Embryo	Sesuatu yang tumbuh dalam badan.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
hospital	hospital	Sebuah institusi yang memberikan rawatan perubatan, surgery dan psikitari untuk orang sakit dan yang cedera.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis purba
klinik	Clinic	Tempat untuk memberi diagnosis dan merawat pesakit luar.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
kronik	Chronic	Kekal masa yang lama.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
stres	Stress	Tekanan atau keadaan resah, cemas, tegang dsb.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
toksin	Toxin	Bahan beracun yang dihasilkan oleh bakteria dalam organisma hidup atau mati yang boleh menyebabkan penyakit tertentu.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
virus	Virus	Istilah perubatan yang digunakan untuk merujuk sejenis kuman yang lebih halus daripada bakteria.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin

6. Ketenteraan

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
admiral	Admiral	Ketua angkatan laut dalam tentera laut.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Arab
leftenan	Lieutenant	Salah satu jawatan pegawai tentera dalam angkatan tentera. Pangkat yang bertauliah ini rendah sedikit daripada pangkat kapten.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis Purba
kapten	Captain	Pegawai tentera yang berpangkat antara leftenan dengan mejar.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
kolonel	Colonel	Pengkat dalam angkatan tentera di antara leftenan colonel dan brigedier, pegawai tentera yang berpangkat satu tingkat di bawah brigedier.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
mejar	Major	Istilah ketenteraan yang digunakan untuk merujuk pegawai tentera yang mempunyai kedudukan lebih tinggi daripada kapten, tetapi berada di bawah leftenan colonel.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Latin
batalion	Battalion	Pasukan tentera	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
briged	Brigade	Sepasukan tentera yang terdiri daripada beberapa batalion.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
divisyen	Division	Unit tentera yang merupakan sebahagian daripada kor, biasanya terdiri daripada 10 ribu hingga 15	BM meminjam BI,

		ribu orang anggota dan dibahagikan kepada tiga briged.	BI meminjam Bahasa Perancis
garison	garrison	Pasukan tentera yang mempunyai tempat yang tetap di suatu kota.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis Purba
infantri	Infantry	Pasukan tentera berjalan kaki	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
kor	Corps	Bahagian daripada askar yang mempunyai fungsi tertentu.	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
platun	Platoon	Satu pasukan tentera (20 orang hingga 40 orang yang dipimpin oleh seorang lefetenan	BM meminjam BI, BI meminjam Bahasa Perancis
skuadron	Squadron	Unit tentera udara yang terdiri daripada 10 buah hingga 18 buah pesawat terbang; pasukan tentera darat yang terdiri daripada kira-kira 100 orang anggota yang merupakan sebahagian daripada rejimen, dan biasanya dibahagikan kepada tiga trip; dan unit tentera laut yang terdiri daripada dua buah kapal atau lebih yang sama jenisnya.	BM meminjam BI, BI meminjam kata Italy

7. Makanan

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
baulu	sponge cake	Sejenis kuih yang diperbuat daripada tepung, telur dan gula.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Portugis
burger	Burger	Kepingan daging kisar (yang sudah dibubuh rempah-rempah) yang digoreng atau dipanggang dan dimasukkan ke dalam sejenis roti.	Sebuah bandar di Germany Hamburg
capati	Cappati	Sejenis roti nipis yang dibuat daripada tepun atta (yang berasal dari India).	India
cef	Chef	Tukang masak utamadi hotel, restoran dan sebagainya, dan ketua jurumasak.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Perancis
kek	Cake	Sejenis kuih yang dibuat daripada adunan tepung mentega, gula dll, dan dibakar.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Norse Purba
kuetiau	Flat rice noodles	Sejenis makanan yang dibuat daripada tepung beras dan dimasak atau digoreng seperti mi.	Bahasa Cina
laksa	Laksa	Sejenis mi atau makaroni	Hindi Parsi Cina
mi	Noodles	Lapisan nipis doh yang kering	Cina
nan	nan bread		BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Parsi
pai	Pie	Sejenis makanan berupa pastri yang berintikan daging atau buah-buahan	BM meminjam BI,

			BI meminjam bahasa Latin Pertengahan
pau	Pau	Kuih yang gebu dan berinti kacang merah, daging dan sebagainya.	Bahasa Cina
perata	perata	Roti leper yang bentuknya bulat atau segi empat yang adunan tepungnya ditebar, dilipat dan kemudian dimasak	Bahasa India
piza	pizza	Sejenis makanan yang berasal dari Itali yang diperbuat daripada doh dengan campuran berempah sos tomato, daging, keju, dll.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Itali
resipi	recipe	Senarai bahan (ramuan) dan peraturan yang diperlukan untuk menyediakan sesuatu masakan dan makanan.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Latin
restoran	restaurant	Kedai tempat makanan dan minuman dijual.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Perancis
roti	bread	Sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung gandum dll.	BM meminjam BI, BI meminjam bahasa Sanskrit
Roti canai	grinded bread	Perata roti leper yang bentuknya bulat atau empat segi yang adunan tepungnya ditebar, dilipat, lalu dimasak.	Bahasa Tamil
tose	savory pancake	Beras dan sejenis dal dikisar bersama air supaya menjadi tepung basah. Adunan tersebut dibiarkan sehingga menjadi masam. Selepas itu, adunan itu dicurahkan di atas kuali leper dalam bentuk bulat, dipanggang menjadi tose.	Bahasa Tamil
sandwic	sandwich	Makanan yang terdiri daripada dua keeping roti atau lebih yang berkepit dan berisi lauk seperti sardine, telur di tengah-tengahnya.	Bahasa Inggeris
wade	vade	Makanan India yang dibuat daripada kacang hitam	Bahasa Tamil

8. Media

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
akhbar	newspaper	Media cetak yang berfungsi sebagai alat untuk menyebarkan berita.	Bahasa Arab
blog	blog	Tapak web yang membolehkan pengguna menulis dan menyimpan diari, atau jurnal secara elektronik.	Bahasa Inggeris
e-mel	e-mail	Kata singkatan daripada kata majmuk electronic mail dan mula digunakan dalam ruang siber sejak tahun 1980-an.	Bahasa Inggeris
faks	Fax	Dokumen dan sebagainya yang dihantar melalui sistem pengimbasan secara elektronik melalui talian telefon dsb.	Bahasa Inggeris
fotograf	photograph	Gambar yang diambil dengan kamera, gambar foto.	Bahasa Inggeris
internet	internet	Rangkaian komputer antarabangsa yang membolehkan pengguna komputer di seluruh dunia berhubung antara satu sama lain dan	Bahasa Inggeris

		mencapai maklumat pangkalan data dari seluruh dunia.	
iklan	advertisement	Pemberitahuan untuk umum	Bahasa Arab
radio	radio	Pemancaran(penghantaran, pengiriman, siaran) bunyi dll menerusi udara.	Bahasa Inggeris
televisyen	television	Penyiaran atau pemancaran gambar hidup berserta bunyi menerusi kabel atau udara pada skrin atau kca peti televisyen.	Bahasa Inggeris

9. Minuman

Kata-kata yang dipinjam	Bahasa Inggeris	Makna dalam Bm	Pinjaman dari bahasa
cendol	cendol	Sejenis minuman sejuk yang terdiri daripada campuran isi berwarna hijau (dibuat daripada tepung beras dan air pandan).	Bahasa Jawa
cincau	grass jelly	Sejenis minuman manis yang mengandungi potongan agar-agar air daun cincau.	Bahasa Cina
kafe	cafe	Restora	Bahasa Turkey
kapucino	cappuccino		
koko	cocoa		
kopi	coffee		
serbat	sherbet		
teh	tea		

- 10.Pakaian
- 11.Pelancongan
- 12.Pendidikan
- 13.Penerbitan
- 14.Pengangkutan
- 15.Sosiologi keluarga
- 16.Sukan
- 17.Tempat tinggal
- 18.Undang-undang

KD = Kamus Dewan

OX = Online Oxford English Dictionary

KDW=Kamus dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia

KE= Kamus Ekonomi